

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

SOALAN NO. 480

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramaikah pelajar yang telah mendapat manfaat daripada PTPTN di negeri Sarawak. Senaraikan jumlah pelajar yang telah membuat pembayaran dan yang masih belum membuat pembayaran PTPTN. Berapakah tunggakan PTPTN untuk Sarawak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga Mei 2019, seramai 115,987 orang pelajar yang telah mendapat manfaat daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di negeri Sarawak dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.71 bilion.

Daripada jumlah tersebut, jumlah peminjam yang selesai membuat bayaran, sedang membuat bayaran balik dan tidak pernah membayar balik adalah berjumlah 74,213 orang dengan pecahan seperti berikut :

- a. 2,523 orang peminjam telah selesai bayaran balik berjumlah RM42.75 juta;
- b. 20,044 orang peminjam sedang membuat bayaran balik secara konsisten mengikut jadual berjumlah RM158.34 juta;

NO. SOALAN: 480

- c. 29,783 orang peminjam membuat bayaran tetapi tidak secara konsisten berjumlah RM255.35 juta; dan
- d. 21,863 orang peminjam tidak pernah membuat bayaran balik dengan amaun tertunggak sebanyak RM214.94 juta.

RT63/480

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]

SOALAN NO. 480

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah hutang negara pada masa sekarang. Berapa banyak hutang negara yang telah dibayar sepanjang tempoh pemerintahan Kerajaan baharu dan berapa peratusan Produk Domestik Bruto (PDB) yang dikenakan pada hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1.1 trilion, atau sekitar **75% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun 2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.

2. Kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah **sebanyak 51% KDNK** pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

3. Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan adalah sebanyak **9% berbanding KDNK** bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti.

4. Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain seperti 1MDB pula adalah sebanyak **15% berbanding KDNK** pada akhir 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi tahun 2018, hutang langsung Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM741.0 bilion atau 51% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)* (akhir-2017: RM686.8 bilion; 50% KDNK). Kedudukan ini adalah selepas

NO SOALAN : 480

mengambil kira jumlah pinjaman kasar sebanyak RM131.6 bilion, merangkumi terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) RM51 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) RM64.3 bilion, Bil Perbendaharaan RM16.2 bilion dan pinjaman projek RM36 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM54 bilion telah diterbitkan mulai awal Januari sehingga pilihan raya umum ke-14, manakala baki sebanyak RM77.6 bilion telah diterbitkan selepas 9 Mei 2018. Kerajaan juga telah membuat bayaran balik hutang pokok yang matang sebanyak RM22.1 bilion dalam tempoh Januari - April 2018 dan RM55.4 bilion dalam tempoh Mei - Disember 2018.

** Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) juga merujuk kepada Produk Domestik Bruto(PDB) iaitu terma dalam Bahasa Indonesia.*